



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR  
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil  
Pengendali Makanan  
(Majis Perbandaran Pengerang)  
2021**

***Food Handlers  
(Pengerang Municipal Council)  
By-Laws  
2021***


Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / By-Laws
Nombor Sumber Kuasa	UUK 7
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 19 / 2021
Tarikh Warta	29 April 2021
Tarikh Berkuat Kuasa	29 April 2021



UNIT UNDANG-UNDANG  
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1  
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penuhar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | [legalunit@mppengerang.gov.my](mailto:legalunit@mppengerang.gov.my)



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 65  
No. 9

29hb April 2021

*TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN*

---

**J. P.U. 19.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN  
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2021****SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL****Undang-Undang Kecil**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Dasar-dasar, pekeliling, dsb.
4. Bekalan air
5. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan
6. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.
7. Penjualan makanan yang kotor dilarang
8. Kursus Pengendalian Makanan
9. Kebersihan pengendali makanan
10. Orang yang dilarang mengendali makanan
11. Penggunaan sewajarnya air bagi maksud membersih
12. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih
13. Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau penyediaan makanan
14. Bekas simpanan yang dilarang
15. Pencemaran makanan
16. Penyediaan penjualan makanan atas permukaan
17. Alat-alat
18. Pengendalian makanan
19. Pengangkutan makanan
20. Pemeriksaan perubatan
21. Penalti

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Pengerang) 2021**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jualan atau jual” termasuklah barter dan pertukaran dan juga termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, atau didedah bagi jualan, atau membekal apa-apa pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan, atau ada di dalam miliknya untuk jualan, atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang ia ketahui bahawa makanan itu berkemungkinan akan dijual atau ditawar atau didedah untuk jualan, dan berkaitan hanya dengan jualan bagi penggunaan atau pemakaian manusia;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“makanan” termasuklah tiap-tiap satu benda dan dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau adalah digunakan di dalam persebatian atau persediaan apa-apa satu benda itu dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk—

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) foder atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan;

“persediaan” termasuklah pengilangan, pembungkusan, penyerahan, pengangkutan, penyimpanan dan menghidang makanan, dan “menyediakan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

**Dasar-dasar, pekeliling, dsb.**

3. Dasar-dasar, pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dengan Majlis dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama dengan Undang-Undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

**Bekalan air**

4. Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengenai trednya—

- (a) mana-mana air selain daripada air dari paip yang disambung kepada saluran besar daripada bekalan air awam; atau
- (b) mana-mana air dari paip atau lain punca di dalam tandas persendirian atau awam atau lain-lain kemudahan.

**Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan**

5. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi menjual makanan hendaklah pada setiap masa menyenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih.

(2) Ia hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebuh, lorong atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, di belakangnya atau di tepi-tepi tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih dan bebas dari himpunan bahan-bahan berbahaya atau mengganggu, atau sampah, kotoran atau lain-lain bahan benda yang dibuang olehnya.

**Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.**

6. Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah menyimpan pada setiap masa makanan dan semua bekas, perkakas, kenderaan, peralatan dapur, peralatan tred, kerusi, meja, perlengkapan, jentera dan lain-lain peralatan yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih dan bebas dari kekotoran dan habuk, bau busuk, bubuk, lalat atau lain-lain serangga.

**Penjualan makanan yang kotor dilarang**

7. (1) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang kotor atau mengandungi apa-apa jirim asing kepada jenis makanan itu.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang kotor.

**Kursus Pengendalian Makanan**

8. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan makanan untuk dijual hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan atau yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap orang yang dinyatakan di perenggan (1) di atas hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dengan jayanya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun dan hendaklah menunjukkan kepada Majlis atau mana-mana pegawainya sijil kehadiran atau penyertaan apabila diminta.

**Kebersihan pengendali makanan**

9. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan makanan untuk dijual hendaklah, jika mengambil bahagian sedemikian menyenggara pakaianya dan badannya dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala yang bersih sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis semasa menjual dan menyediakan makanan.

(2) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan makanan untuk dijual hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu, atau selepas menggunakan mana-mana tandas, tempat sulit, bilik kecil, atau lain-lain kemudahan yang sama dan sebelum memulakan penjualan atau penyediaan itu membasuh tangannya sungguh-sungguh dengan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghisap atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana lain persediaan atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa bekerja ketika penjualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa makanan.

(4) Tiada seorang yang mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau jari boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan makanan melainkan luka atau pecah kulit itu dibalut rapi dengan balutan kalis air.

**Orang-orang yang dilarang mengendali makanan**

10. Tiada seorang—

(a) yang menghidap penyakit yang merebak;

(b) yang membawa apa-apa penyakit berjangkit;

(c) yang menghidap apa juu keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau lain-lain penyakit kulit;

(d) yang mempunyai sebab mempercayai atau disyaki bahawa ia berkemungkinan menyebar organisme yang membiak penyakit;

- (e) yang ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang menghidap penyakit yang merebak; dan
- (f) yang tidak mempunyai sijil perubatan yang sah yang dikeluarkan oleh seorang pengamal perubatan berdaftar;

boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.

#### **Penggunaan sewajarnya air bagi maksud membersih**

11. Tiada seorang boleh menggunakan bagi maksud mencuci, membasuh apa-apa alat yang digunakan dalam penjualan atau mungkin digunakan untuk jualan makanan mana-mana air yang tidak bersih.

#### **Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih**

12. Tiada seorang boleh menggunakan bagi maksud mengelap atau membersih atau mengilat apa-apa makanan bagi jualan atau apa-apa bungkusan atau alat-alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain selain daripada penyapu habuk yang sesuai atau kain yang wajar disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan adalah yang disenggara pada setiap masa dalam keadaan bersih.

#### **Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan**

13. (1) Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan di dalam mana-mana kandang, tempat kencing, bilik air atau tandas di mana-mana tempat yang digunakan pada bila-bila masa sebagai tempat tidur atau yang ada hubungan terus dengan sesuatu bilik tidur atau mana-mana kandang, tempat kencing, bilik air atau tandas atau di mana apa-apa binatang atau burung dibiarkan berada.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan, atau apa-apa kerja dijalankan dengan mana benda makanan itu boleh tercemar atau kesegaran atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang boleh meletak, menyimpan, membawa, menyebar atau mengguna, menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disebar atau diguna di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa racun atau apa-apa jirim yang merbahaya atau mengganggu atau apa-apa material lain yang mungkin mencemar kesegaran makanan itu, tetapi tiada apa-apa di dalam peruntukan ini boleh menahan penggunaan betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau lain-lain musuh.

**Bekas simpanan yang dilarang**

14. (1) Tiada seorang boleh memasuki, membawa atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung atau bekas yang serupa yang mana pada mana-mana masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengisi apa-apa racun atau bahan yang merbahaya atau mana-mana bahan yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.
- (2) Tiada apa-apa meja, peti, bakul atau lain-lain bekas yang kotor boleh digunakan untuk mengisi atau menyedia apa-apa benda makanan bagi jualan.

**Pencemaran makanan**

15. (1) Tiada seorang boleh meletakkan hingga tersentuh dengan apa-apa makanan bagi jualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi jualan apa-apa plastik, logam atau lain-lain objek, benda atau bahan untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika jualan makanan kecuali objek, benda atau bahan itu diliputi sepenuhnya dalam suatu balutan, dibuat dari bahan-bahan yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi bahan-bahan yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau bahan dalam apa-apa benda atau bahan dalam apa-apa makanan mengikut cara sebagaimana ia dicampurkan atau disatukan dengan makanan itu.
- (2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ia diterima oleh seseorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan lain cara yang berkesan.
- (3) Tiada seorang boleh membawa untuk jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual kecuali ia dibungkus atau diletak di dalam bekas atau lain-lain bungkusan yang sengaja dibentuk bagi menghindar makanan itu dari tercemar.
- (4) Tiada seorang pun boleh membawa, meletak atau menyimpan atau membenarkan supaya dibawa, diletak atau disimpan dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan yang sama ia dijual, mana-mana kotoran, benda yang berbau busuk atau bahan lain yang mencemar kesegaran atau kebersihan benda makanan yang dibawa di dalamnya.
- (5) Tiada seorang boleh menggunakan berkaitan dengan penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya mengikut apa juar cara di mana makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan cetakan itu.

(6) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai kecuali ia dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

#### **Penyediaan penjualan makanan atas permukaan**

16. Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau lain-lain kawasan lapang yang tingginya rendah daripada 0.4572 meter atas permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu.

#### **Alat-alat**

17. (1) Tiada seorang boleh mengguna untuk menghidang makanan bagi jualan apa-apa alat makanan atau minuman yang tidak dibersihkan selepas pemakaian yang terakhir yang mana alat itu telah digunakan sama ada atau tidak alat itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu menggunakan alat tersebut.

(2) Tiada seorang boleh mengguna atau terdapat dalam miliknya untuk kegunaan bagi jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau lain bekas simpanan lain yang sumbing, pecah atau retak.

#### **Pengendalian makanan**

18. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual hendaklah jangan semasa penjualan atau persediaan itu—

- (a) mengendali atau membernar pengendalian apa-apa makanan dengan jari-jari tetapi hendaklah menggunakan sepit, penyenduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu, dengan syarat orang-orang yang tertentu atau kelas orang yang tertentu boleh dikecualikan atas kebenaran bertulis oleh Yang Dipertua;
- (b) mengguna jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan itu;
- (c) mengguna nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;
- (d) menyapu tangannya ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;
- (e) meletak, sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa benda, bahan atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau
- (f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan.

(2) Sepit, penyeduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi mengendali apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual hendaklah dibersihkan selalu dan setiap masa bebas dari dicemar.

(3) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan.

(4) Tiada seorang yang bekerja atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ia dijual boleh membawa apa-apa alatan atau alat yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu dengan cara yang boleh menjelaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

#### Pengangkutan makanan

19. (1) Tiada seorang boleh menggunakan mana-mana kenderaan pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi membawa atau menghantar apa-apa makanan untuk jualan.

(2) Tiada seorang boleh menggunakan apa-apa kenderaan, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau lain benda atau bahan di mana keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan bagi jualan yang dibawa atau diisi atau biasa dibawa atau diisi dalam kenderaan, pengangkutan atau bekas yang boleh atau mungkin terjejas.

#### Pemeriksaan perubatan

20. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam undang-undang kecil 10(f), mana-mana orang yang bekerja, menjual atau menyedia bagi penjualan apa-apa benda makanan boleh pada bila-bila masa dikehendaki oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa:

- (i) menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja; atau
- (ii) mendapat suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit.

(2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan atau kesihatan yang dilantik sama ada secara am atau khusus oleh Yang Dipertua.

(3) Jika mana-mana orang yang setelah diperiksa didapati oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan atau kesihatan mengidap dari penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau adalah, pada pendapat pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan atau kesihatan kemungkinan merupakan punca infeksi, Yang Dipertua hendaklah serta-merta melucutkan kelayakan orang yang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan sehingga mana adalah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan atau kesihatan bahawa ia telah sembuh atau kemungkinan tidak lagi menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang:

(a) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan;  
dan/atau;

(b) yang mana, setelah diperiksa dan hilang kelayakan,

meneruskan tugas di mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa benda makanan, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Undang-Undang Kecil ini.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang diguna menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa benda makanan, yang mana setelah diberitahu dengan bertulis oleh Yang Dipertua bahawa seseorang yang bertugas bagi menjual atau menyedia untuk jualan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa, hilang kelayakan dari bertugas, memberi kebenaran kepada orang itu meneruskan tugas di dalamnya atau tinggal di dalam kawasan adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Penalti**

21. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bertarikh: 15 Disember 2020

[Bil. (57)dlm.MPP:MPP/PUU/05/20]

[SUKJ.KT. 24/69 JLD. 14(11); PPUUNJ. 600-1/2/12(4)]

FIZWAN BIN DATO' HAJI MOHD. RASHIDI  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Pengerang*

Disahkan: 10 Februari 2021

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 168/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*